

Siap sedia hadapi cuaca lebih panas: Meteorologi

Kuala Lumpur: Rakyat perlu bersedia menghadapi cuaca lebih panas berikutan monsun barat daya yang sedang melanda negara, kata Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail.

Katanya, musim monsun itu akan membawa cuaca panas dan kering yang diramal berlanjutan hingga September.

"Hanya sedikit hujan, terutama pada awal pagi di kawasan pantai dan selatan Selangor," katanya sambil menjelaskan, keadaan cuaca mungkin bertambah buruk serta mengakibatkan jerebu jika ada pembakaran terbuka secara berleluasa.

Pemerhatian rambang di sini semalam mendapati keadaan agak berjerebu, tetapi Che Gayah berkata, ia mungkin kerana tiada hujan sejak beberapa hari lalu.

Ia bukan berpunca daripada aktiviti gunung berapi di Gunung Sinabung di Sumatra Utara, walaupun abunya menuju ke arah tengah Semenanjung dengan ketinggian ketika melalui Semenanjung adalah lebih 6,000 kaki.

Berdasarkan imej terbaru satelit Pusat Meteorologi Khas ASEAN (AMSC), tiada tompok panas dikesan di Semenanjung, kecuali masing-masing dua di Sabah dan Sarawak.

Semakan dengan Jabatan Alam Sekitar mendapati, semua 52 kawasan yang dibuat pemantauan kualiti udara di seluruh negara semalam, menunjukkan Indeks Pencemaran Udara berada pada paras baik dan sederhana.

Sementara itu, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia, Dr

Ashok Philip berkata, musim panas sekarang boleh mengakibatkan penyahhidratan sekiranya manusia banyak berpeluh dan tidak minum cukup air.

Katanya, keadaan itu boleh berlaku walaupun mereka tinggal di tempat teduh, manakala keadaan lebih teruk akan menimpa mereka yang terdedah secara langsung kepada cahaya matahari.

Terasa lemah, pening

"Apabila kadar penyahhidratan meningkat, seseorang yang terjejas akan mula berasa lemah, pening dan tidak menentu atau keliru kerana tekanan darah mula menurun dan suhu tubuh pula meningkat.

"Untuk sentiasa dalam keadaan sejuk dan bagi mengelak masalah berkaitan haba, minumlah banyak air," katanya sambil menambah, mereka yang mengalami penyahhidratan perlu berpindah ke


INFO

Monsun barat daya

● **Musim** monsun itu akan membawa cuaca panas dan kering yang diramal berlanjutan hingga September.

● **Tiada** tompok panas dikesan di Semenanjung, kecuali masing-masing dua di Sabah dan Sarawak.

● **Musim** panas sekarang boleh mengakibatkan penyahhidratan sekiranya manusia banyak berpeluh dan tidak minum cukup air.



Pemandangan di sekitar ibu negara diliputi jerebu serta musim monsun yang membawa cuaca panas serta kering dan musim kemarau diramalkan berlanjutan hingga September. [FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

tempat sejuk dan minum banyak air.

"Jangan meninggalkan seseorang bersendirian dalam kereta yang tidak bergerak dengan pendingin hawa ditutup dan tingkap tidak dibuka. Suhu boleh meningkat mendadak kepada lebih 50 darjah Celsius," katanya.

Dr Ashok juga menasihatkan mereka yang berpuasa supaya sering minum air pada waktu malam dan menambah pengambilan bendalir sebelum memulakan puasa untuk terus berasa sejuk dan sihat.

Sementara itu, jerebu yang me-

landa negara ketika ini, terutama di Lembah Klang, berpunca daripada udara kotor yang terkumpul seperti asap kilang dan kenderaan.

Dijangka berakhir hujung minggu

Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata pergerakan angin yang tidak kuat dan udara yang kurang, turut menyumbang kepada keadaan berkenaan.

"Bagaimanapun, keadaan ini hanya sementara dan dijangka

berakhir hujung minggu ini. Malah, dari pencerapan satelit, titik jerebu tidak banyak pun kelihatan di Malaysia," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Mohd Hisham berkata, jerebu ketika ini tiada kaitan dengan pembakaran terbuka di negara jiran kerana ia hanya melanda Lembah Klang, terutama di kawasan perindustrian.

"Namun, sekiranya berlarutan sehingga menjadi buruk, kami akan merujuk kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk membuat proses pembenihan awan.

BERNAMA